

12 JAN 1998

Syed Hamid-Cohen (Bergambar)

AMERIKA DIBERITAHU TIADA PEMBELIAN KELENGKAPAN PERTAHANAN BARU

KUALA LUMPUR, 12 Jan (Bernama) -- Malaysia hari ini memberitahu Amerika Syarikat bahawa negara tidak akan membuat sebarang pembelian baru kelengkapan tentera memandangkan kegawatan ekonomi dan kemerosotan nilai ringgit, kata Menteri Pertahanan Datuk Seri Syed Hamid Albar.

"Saya maklumkan keputusan kerajaan itu kepada Setiausaha Pertahanan Amerika Syarikat William Cohen yang ingin tahu tentang dasar kita tentang pembelian baru," katanya kepada pemberita selepas dikunjungi rakan sejawatannya itu di Wisma Pertahanan di sini, petang ini.

Syed Hamid berkata keputusan kerajaan adalah muktamad dan perbelanjaan akan hanya dikeluarkan bagi tujuan penyenggaraan dan perkhidmatan kelengkapan dan hartabenda yang sedia ada.

Cohen yang tiba di negara ini semalam dalam rangka lawatan ke beberapa negara Asean dan menghadiri sesi Dialog Pasifik yang bermula hari ini, juga mengadakan perbincangan tertutup dengan Syed Hamid dan pegawai-pegawai tertinggi angkatan tentera.

Menurut Syed Hamid, mereka membincangkan perkara-perkara dua hala dan Amerika ingin mengetahui pandangan Malaysia tentang beberapa isu terutamanya keselamatan dan pertahanan semasa dalam tekanan dan keadaan ekonomi yang dihadapi negara sekarang ini.

"Di samping membincangkan kerjasama di bidang perisikan dan usaha mempertingkatkan hubungan di bidang Sains Pertahanan, saya beritahu beliau bahawa segala perancangan pertahanan akan diteruskan kerana masalah ekonomi sekarang tidak memberikan kesan," katanya.

Cohen ingin tahu sama ada Malaysia akan terus menghantar para pegawai tenteranya menjalani pelbagai latihan di Amerika di bawah program Pendidikan Ketenteraan dan Latihan Antarabangsa (IMET) dan Kumpulan Rundingan Latihan Duahala (BITACG).

Syed Hamid berkata, pegawai-pegawai tentera Malaysia akan terus dihantar berlatih di Amerika dalam bidang-bidang dipilih kerana selain melibatkan kos penerbangan dan pakaian, negara tuan rumah (Amerika) menanggung keseluruhannya membabitkan peruntukan sebanyak AS\$700,000.

Cohen juga diberitahu bahawa Malaysia amat berpuas hati dengan perbincangan yang menghasilkan kontrak lima tahun untuk penyenggaraan dan perkhidmatan pesawat-pesawat Hercules C-130 Tentera Udara Amerika Syarikat di Airod, di sini.

"Cohen yang mempunyai hubungan baik dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sejak beliau menjadi Senator lagi, memberi jaminan bahawa Amerika akan meneruskan hubungan dengan Malaysia dalam apa keadaan sekalipun," kata Syed Hamid.

Beliau berkata, Amerika akan meneruskan komitmennya terhadap Malaysia dan mereka akan bersama Malaysia di masa senang atau susah.

Syed Hamid turut memberitahu Cohen tentang komitmen Malaysia untuk terus menempatkan anggota tenteranya berkhidmat dengan pasukan Penstabil Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (SFOR) bersama tentera NATO dan Amerika Syarikat di Bosnia-Herzegovina selepas tamat mandat pada Jun ini.

"Buat masa ini keputusan kerajaan ialah kita akan teruskan sehingga mandat sekarang tamat dan selepas perbincangan dimulakan Mac ini, kita akan kemukakan semula kaedah dan cara baru termasuk mengurangkan anggota Malcon di sana kepada 790 orang," katanya.

Perbincangan itu nanti adalah bagi memastikan penyertaan berterusan NATO dan tentera Amerika di Bosnia dan Malaysia telah bersetuju untuk

meneruskan komitmennya di negara itu. -- BERNAMA
ZAB PR